

18/02/2002

Perjuangan ekonomi OIC belum selesai

Mior Kamarul Shahid

PERTUBUHAN Persidangan Islam (OIC) yang ditubuhkan di Rabat, Maghribi pada 25 September 1969 sudah pun meletakkan asas kewujudannya untuk menggembelng sumber secara bersama dan bercakap dalam satu nada demi menjaga kepentingan rakyat dan dunia Islam.

Sudah terlalu banyak perbincangan dan persidangan diadakan, namun OIC tetap OIC. Dokumen persidangan kian bertambah, tetapi keberkesanan tindakan bersama belum lagi terserlah. Soal penyelarasan tidak timbul kerana dalam OIC sudah ada badan penyelarasan mengikut bidang kerjasama seperti politik, ekonomi, budaya, sosial dan sains yang ditubuhkan pada sidang kemuncak dan persidangan peringkat menteri Bagi Maklumat dan Hal Ehwal Kebudayaan (COMIAC), Jawatankuasa Bagi Kerjasama Ekonomi dan Perdagangan (COMCEC) dan Jawatankuasa Bagi Kerjasama Sains dan Teknikal (COMSTECH).

OIC juga mempunyai Suruhanjaya Islam Bagi Ekonomi, Kebudayaan dan Hal Ehwal Sosial. Dengan bantuan institusi Islam dari seluruh negara Islam, tidak ada sebab negara-negara Islam masih berada pada tahap sekarang.

Sampai bila Islam perlu dikaitkan dengan kemiskinan, kemunduran dan tidak bertamadun. Hari ini kesengsaraan negara Islam ditokok-tambah apabila dikaitkan pula dengan kegiatan pengganas, walaupun kebanyakan peristiwa ganas di dunia tidak semestinya dilakukan oleh umat Islam.

Bila soal ekonomi negara Islam dan usaha membantu negara anggota OIC yang miskin ditenggelami isu baru - keganasan - berikutan peristiwa 11 September 2001, negara-negara OIC seolah-olah kehilangan punca. Negara-negara Islam terpaksa pula menangkis tuduhan liar yang dilemparkan oleh Amerika Syarikat yang memberi gambaran kebanyakan negara Islam adalah sarang pengganas.

Bila terlalu banyak tuduhan terhadap negara Islam yang mengaitkan Islam dengan pengganas, dengan sendiri ia membentuk persepsi buruk terhadap negara Islam.

Maka, timbullah kebimbangan untuk memberi bantuan kepada negara-negara Islam. Pelabur juga terpaksa berfikir semasak-masaknya apabila membuat keputusan untuk menanam modal di negara Islam. Tambah menakutkan pelabur apabila Amerika memberi amaran akan menyerang negara-negara yang melindungi pengganas.

Pelabur bimbang dituduh melabur di negara yang melindungi pengganas dan jika diserang, pelaburan mereka akan musnah. Selagi Amerika Syarikat, sebagai sebuah kuasa paling berpengaruh di dunia menganggap negara-negara Islam sebagai sarang pengganas, selagi itulah ekonomi negara-negara Islam yang mundur sukar ditingkatkan.

Mungkin ada logiknya media Barat sengaja mengaitkan Malaysia dengan pengganas kerana negara inilah dianggap antara 57 negara Islam dalam OIC yang berpotensi untuk melindungi negara Islam lain. Negara-negara Islam yang lemah dari segi ekonomi tidak disentuh kerana media Barat tahu, mereka tidak dapat berbuat apa-apa.

Jika ekonomi negara mereka lemah, bagaimana mereka boleh bangkit untuk membantu negara Islam lain. Sebaliknya, Malaysia dilihat sering meniup semangat kepada negara-negara Islam supaya bangkit memajukan diri sendiri supaya dapat bersaing dengan negara kuasa besar. Malaysia bukan saja bercakap, tetapi membuktikan dengan kemajuan ekonomi dan pembangunan fizikal yang mengagumkan negara-negara Islam lain.

Dari segi pembangunan, Malaysia dijadikan model oleh kebanyakan negara

Islam. Dengan mengaitkan Malaysia dengan pengganas, media Barat mungkin mengharapkan negara ini tidak mendapat sokongan pelabur dan tidak ada lagi negara Islam yang lantang memperjuangkan hak dan kedaulatan Islam.

Tanggapan mereka salah kerana apabila didesak, Malaysia terus melawan. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, akan bersuara di mana saja untuk menjelaskan kedudukan Malaysia. Malangnya, kebanyakan negara Islam lain tidak dapat menangkis tekanan kuasa besar ekonomi dunia. Ikrar bercakap dalam satu nada hanyalah tinggal ungkapan semata-mata.

Mereka terus mendiamkan diri kerana bimbang tekanan demi tekanan akan dikenakan setiap kali mereka membuka mulut. Dunia Islam hari ini perlu bertanya semula di manakah semangat mereka untuk memupuk perpaduan Islam di kalangan negara anggota OIC? Di manakah kerjasama politik, ekonomi, sosial, kebudayaan dan sains yang diuar-uarkan ketika penubuhannya dulu?

Di manakah janji mereka untuk mempertahankan maruah, kemerdekaan dan hak negara dan umat Islam? Ini adalah janji OIC yang masih belum ditunaikan sepenuhnya. OIC hanya akan menjadi padu jika semua negara anggotanya kukuh dari segi ekonomi. Sebagaimana terkandung dalam rumusan sesi Persidangan Menteri-Menteri Luar OIC (sesi keamanan dan pembangunan) di Mali, Jun tahun lalu yang mengakui betapa seriusnya masalah ekonomi yang dihadapi oleh negara Islam yang mundur.

Seluruh dunia Islam kecewa dengan kemajuan yang begitu perlahan dalam pelaksanaan program bertindak bagi negara-negara mundur yang dirancang sejak 1990, terutama berhubung kemerosotan Bantuan Pembangunan Rasmi (ODA). OIC mempunyai Program Bertindak 2001-2010 untuk negara Islam mundur.

Tetapi, setakat ini jarang sekali didengar maklumat mengenai perkembangannya, walaupun gesaan kepada semua pihak terbabit, termasuk pembabitan antara kerajaan untuk menjayakan program itu disebut sekali-sekala apabila pemimpin negara anggota OIC bertemu dan berbincang.

Kepada negara-negara OIC, isu keganasan yang dilemparkan kepada negara-negara Islam tidak seharusnya mematikan semangat untuk meningkatkan kemajuan ekonomi negara masing-masing.

(END)